



www.mpkj.gov.my

1-800-88-6755

Majlis Perbandaran Kajang

PERTANDINGAN KUTIPAN Minyak Masak TERPAKAI 2020

Hadiah wang
tunai,
Piala dan sijil
untuk
dimenangi

**TARIKH
TUTUP PENYERTAAN
7 OGOS 2020**

Kategori:

**Komuniti / Persatuan
Penduduk / MPKK**

**Persatuan Peniaga /
Premis Perniagaan**

Borang penyertaan dan contoh
format laporan boleh dimuat turun
melalui Laman Web

atau melalui e-mel

www.mpkj.gov.my

mamanmpkj@gmail.com



PENGENALAN

Pertandingan Kutipan Minyak Masak Terpakai ini dibentuk sebagai inisiatif ke arah penjagaan alam sekitar bagi komuniti dan peniaga di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Kajang. Tujuan pelaksanaan pertandingan ini adalah untuk memberi peluang kepada komuniti dan peniaga dalam usaha untuk memelihara alam sekitar dari pencemaran minyak masak terpakai ke dalam sumber air dengan cara mengumpulkan minyak masak tersebut untuk dikitar semula menjadi biodiesel, lilin dan bahan pencuci. Minyak masak terpakai bersifat hidrofobik, bertindak mengumpulkan bahan tercemar yang akhirnya mendap di dalam sedimen dan memberikan kesan buruk kepada kualiti air dan rantaian makanan.



KATEGORI ANUGERAH

Pertandingan ini terbuka kepada dua (2) kategori iaitu:

- ✓ **Komuniti / persatuan penduduk / Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)** dan,
- ✓ **Persatuan Peniaga / Premis Perniagaan** di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Kajang. Hanya satu (1) penyertaan dibenarkan untuk satu komuniti / persatuan / MPKK / peniaga.



OBJEKTIF ANUGERAH

- ✓ Mengiktiraf komuniti dan peniaga yang telah berjaya menunjukkan komitmen dalam usaha pengutipan minyak masak terpakai.
- ✓ Mempromosikan konsep "Waste to Wealth" di mana komuniti dan peniaga boleh menjana pendapatan dari program ini selepas tamat pertandingan.
- ✓ Memupuk kesedaran masyarakat dalam memelihara alam sekitar khususnya sumber air dari berlakunya pencemaran minyak.





SENARAI HADIAH

Pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah berat kutipan minyak masak terpakai yang tertinggi direkodkan selama **tiga (3) bulan** pertandingan.

1. Kategori Komuniti

- a. Emas x 1 : RM 1000 + piala + sijil
- b. Perak x 1 : RM 700 + piala + sijil
- c. Gangsa x 1 : RM 500 + piala + sijil

2. Kategori Peniaga

- a. Emas x 1 : RM 1000 + piala + sijil
- b. Perak x 1 : RM 700 + piala + sijil
- c. Gangsa x 1 : RM 500 + piala + sijil



GARIS MASA PENGANUGERAHAN

Tentatif penganugerahan ini merangkumi **empat (4)** tarikh utama seperti dibawah. Setiap peserta diingatkan untuk sentiasa peka akan perubahan maklumat dan tarikh yang dikeluarkan oleh pihak urusetia dari semasa ke semasa.

Tarikh tutup penghantaran penyertaan:
7 Ogos 2020 (Jumaat)

Tarikh mula penerimaan minyak masak:
10 Ogos 2020 (Isnin)

Tarikh akhir penerimaan minyak masak:
9 November 2020 (Isnin)

Tarikh penyampaian hadiah :
***November 2020**

***Tarikh sebenar akan diberitahu oleh pihak urusetia melalui surat kepada peserta yang terlibat**

PERTANYAAN DAN KHIDMAT NASIHAT

Sebarang pertanyaan dan khidmat nasihat sila hubungi :-

- Puan Nurshazwani bt. Mohamad Osman
No. Telefon : 03-87337899 ext 4031
- Cik Umi Noor Aqila bt. Zakaria
No. Telefon : 03-87337899 ext 4023



KRITERIA PENILAIAN



Wakil Persatuan / Komuniti / Peniaga yang bertanggungjawab mengumpul minyak masak terpakai perlu menghubungi dan menyerahkan minyak masak terpakai kepada agensi pengutipan yang dilantik oleh MPKJ iaitu:

Nama : En Mohamad Nor Syafiq Bin Abdul Razak,
Alamat : Syarikat S & D Oil
No. 22 Jalan KP 2/7 Taman Kajang Prima,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
E-mel : shafiqrazak1989@gmail.com
Tel : +60 12-699 7754



Jumlah kutipan minyak masak terpakai akan **direkodkan dan dibayar** oleh agensi kutipan diatas kepada peserta mengikut kadar bayaran semasa.



Minimum jumlah minyak masak terpakai yang akan dikutip sekali adalah sebanyak **50 liter**.

BORANG PENYERTAAN

Alamat :

Pertandingan Kutipan Minyak Masak Terpakai 2020,
Unit Pembangunan Maman,
Jabatan Perancangan Pembangunan,
Tingkat 3A, Menara MPKJ,
43000, Kajang Selangor.

Tel : 03-87377899 **Fax** : 03-87331260

E-mel : mamanmpkj@gmail.com

Jenis kategori:

Komuniti / Persatuan / MPKK

Persatuan Peniaga / Premis Perniagaan

Saya yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk mencalonkan Komuniti / Persatuan / MPKK / Peniaga:

Nama wakil peserta yang Bertanggungjawab (selain ketua persatuan / komuniti / MPKK / Peniaga):

No. Telefon : _____

(Tandatangan Ketua Persatuan / Komuniti / MPKK / Peniaga)

Nama : _____

Jawatan : _____

Cop Rasmi (sekiranya ada)

Tarikh : _____



"KAJANG BANDAR PILIHAN UNTUK DIDIAM!"

BORANG PENYERTAAN BOLEH DIMUAT TURUN MELALUI LAMAN WEB
www.mpkj.gov.my atau melalui imbasan Qrcode yang tertera

